



06 OCT, 2021

Malaysia perlu lebih ramai pakar vaksin - Lam Thye

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2



Malaysia belum lagi menghasilkan vaksin buatan sendiri sebaliknya masih bergantung kepada sumber dari negara luar.

Malaysia perlu lebih ramai pakar vaksin - Lam Thye

KUALA LUMPUR - Malaysia memerlukan lebih ramai pakar dalam bidang vaksin kerana negara mempunyai kemampuan untuk menghasilkan vaksin sendiri.

Pengerusi Ikatan Komuniti Selamat Tan Sri Lee Lam Thye berkata, sejak Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) hingga RMK12, terdapat lebih kurang 40 projek pembangunan vaksin diluluskan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Bagaimanapun, ketika ini katanya, Malaysia belum lagi menghasilkan vaksin buatan sendiri sebaliknya masih bergantung kepada sumber dari negara luar.

“Malaysia sebenarnya ada pakar yang boleh menghasilkan vaksin tetapi kita memerlukan lebih ramai pakar bidang vaksin, maka pembangunan bakat juga dititikberatkan. Saya berharap lebih ramai generasi muda dipupuk minat mereka menjadi saintis vaksin,” katanya.

Lam Thye berkata, penubuhan sebuah institut untuk menghasilkan vaksin Covid-19 buatan Malaysia dapat memudahkan kerajaan menyelaraskan kegiatan pembangunan dan penyelidikan (R&D) berkaitan genom serta vaksin.

Beliau berkata, institut itu yang akan dikenali sebagai Institut Genom dan

Vaksin Malaysia dapat memudahkan kerajaan menyelaraskan aktiviti R&D berkaitan genom dan vaksin, selain mengemblem tenaga pakar dengan lebih cekap.

“Saya alu-alukan langkah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba untuk bantangkan cadangan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob supaya satu institut ditubuhkan untuk hasilkan vaksin Covid-19 buatan Malaysia,” katanya.

Institut itu turut menjalankan R&D dalam penghasilan vaksin bagi penyakit berbahaya lain seperti kanser, denggi, taun dan leptospirosis. - *Bernama*



06 OCT, 2021

Malaysia perlu lebih ramai pakar vaksin - Lam Thye

Sinar Harian, Malaysia



SUMMARIES

Malaysia belum lagi menghasilkan vaksin buatan sendiri sebaliknya masih bergantung kepada sumber dari negara luar.

KUALA LUMPUR - Malaysia memerlukan lebih ramai pakar dalam bidang vaksin kerana negara mempunyai kemampuan untuk menghasilkan vaksin sendiri. Pengerusi Ikatan Komuniti Selamat Tan Sri Lee Lam Thye berkata, sejak Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) hingga RMK12, terdapat lebih kurang 40 projek pembangunan vaksin diluluskan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).